

## Peraduan “Cuti-Cuti Malaysia”

### Terma & Syarat

1. Peraduan “Cuti-Cuti Malaysia” (“Peraduan”) ini dianjurkan oleh **Ace Canning Corporation Sdn. Bhd.** [No. Syarikat: 19720100084 (11632-M)] dan **AEON Co. (M) Bhd.** [No. Syarikat: 198401014370 (126926-H)] (secara kolektif “Penganjur”).
2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara atau pemastautin tetap Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan (“Peserta”). Semua pekerja Penganjur dan ahli keluarga pekerja Penganjur tidak layak menyertai Peraduan ini.
3. Peraduan ini akan bermula dari 1 Oktober 2023 hingga 30 November 2023 (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk meminda Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis dan tanpa sebarang sebab mengikut budi bicara tunggal dan mutlak Penganjur.
4. Sebarang penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan (disebabkan oleh sebarang sebab walau bagaimanapun dan / atau apa jua yang timbul) akan dibatalkan secara automatik tanpa sebarang notis.
5. Bagi menyertai Peraduan ini, Peserta perlu mengikuti langkah-langkah di bawah:
  - Langkah 1: Peserta perlu membeli minimum 1 cawan minuman Drinho Crysanthemum/HOMESOY/Teh Dilmah (“Produk”) dalam satu (1) resit pembelian di mana-mana AEON Coco Cafe di stor AEON terpilih Malaysia ketika Tempoh Peraduan.
  - Langkah 2: Peserta perlu mengambil gambar jelas resit pembelian tersebut.
  - Langkah 3: Peserta perlu mengimbas Kod QR di kaunter juruwang AEON Coco Cafe atau memasuki pautan <https://form.jotform.com/232041766498463> untuk mengakses borang permohonan (“Borang”)
  - Langkah 4: Peserta perlu mengisi butiran tepat yang diminta dan memuat naik resit pembelian dalam Borang sebelum menghantar Borang tersebut.
6. Setiap Peserta perlu menyimpan salinan resit tersebut sebagai bukti pembelian untuk tujuan pengesahan oleh Penganjur, di mana kegagalan untuk mempamerkan salinan tersebut akan menyebabkan penyertaan terbatal.
7. Setiap Peserta layak menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan tetapi setiap penyertaan mesti disertakan dengan satu (1) resit original sah dalam Tempoh Peraduan. Walaubagaimanapun, setiap Peserta (jika dipilih sebagai pemenang) hanya layak untuk memenangi satu (1) Hadiah sahaja.
8. Setiap penyertaan akan tertakluk kepada pengesahan Penganjur. Penganjur berhak untuk menolak sebarang penyertaan yang tidak lengkap, tidak mempunyai maklumat tepat, dihantar luar Tempoh Peraduan, resit pembelian yang tidak jelas atau sebarang sebab yang ditentukan oleh Penganjur dalam budi bicara mutlak.
9. Peraduan ini hanya dianjurkan di AEON Coco Café di stor AEON yang tertentu:

<b>Negeri</b>	<b>Stor AEON</b>
Selangor	<ul style="list-style-type: none"><li>• Taman Maluri</li><li>• Wangsa Maju</li><li>• Bandar Utama</li><li>• Bandar Baru Klang</li><li>• Midvalley</li><li>• Bandara Puchong</li><li>• Taman Equine</li><li>• Bukit Tinggi</li><li>• Ampang Utara 2</li><li>• Rawang</li><li>• Shah Alam</li></ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• IOI Putrajaya</li> <li>• Maxvalu Evo Bangi</li> <li>• Maxvalu Selayang Mall</li> <li>• Maxvalu Sunway Velocity</li> <li>• Maxvalu Bangsar South</li> </ul>
Melaka	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaka</li> <li>• Bandaraya Melaka</li> </ul>
Perak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ipoh</li> <li>• Ipoh Station 18</li> <li>• Sri Manjung</li> <li>• Taiping</li> <li>• Klebang</li> <li>• Falim</li> </ul>
Johor	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Taman Universiti</li> <li>• Permas Jaya</li> <li>• Tebrau City</li> <li>• Bukit Indah</li> <li>• Kulai Jaya</li> <li>• Bandar Dato Onn</li> </ul>
Seremban	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Seremban 2</li> <li>• Aeon Nilai</li> <li>• Maxvalu Palm Mall</li> </ul>
Pulau Pinang	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Queensbay Penang</li> <li>• Bukit Mertajam</li> </ul>
Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kota Bharu</li> <li>• ROHM-Wako Electronics (Malaysia) Sdn Bhd (Convenience Store)</li> </ul>
Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuching Central</li> </ul>

10. Selain daripada hadiah Pembelanja Paling Tinggi, setiap penyertaan yang berjaya layak di mana pemenang akan dipilih melalui pemilihan komputer program secara rawak dan/atau mana mana cara yang ditentukan oleh Penganjur. Untuk hadiah bagi Pembelanja Paling Tinggi, pemenang akan dipilih berdasarkan peserta dengan jumlah pembelian Produk yang tertinggi melalui pengumpulan resit ketika Tempoh Peraduan.

11. Nama nama pemenang akan diumumkan selewatnya **30 Januari 2024** melalui sosial media pada Drinho/HOMESoy/Dilmah Facebook page atau cara komunikasi lain seperti ditentukan Penganjur.

• Drinho: <https://www.facebook.com/DrinhoMalaysia>

• Homesoy: [www.facebook.com/myHOMESoy](https://www.facebook.com/myHOMESoy)

• Dilmah: [www.facebook.com/DilmahTeaMalaysia](https://www.facebook.com/DilmahTeaMalaysia)

12. Pemenang akan diberitahu melalui emel/telefon atau cara komunikasi lain seperti ditentukan oleh Penganjur selewatnya pada 30 Disember 2023 atau tarikh lain ditentukan oleh Penganjur. Penganjur tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kegagalan atau kelewatan notifikasi kepada pemenang. Pemenang akan diwajibkan untuk menandatangani dokumentasi atau memberi maklumat diperlukan oleh Penganjur bagi tujuan pengesahan.

13. Hadiah-hadiah bagi Peraduan ini terdiri daripada 33 hadiah (“**Hadiah**”) seperti berikut:

No.	Hadiah	Deskripsi	Syarat
1	Pembelanja Paling Tinggi x One (1) Pemenang	AEON Gift Voucher bernilai Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500.00) Sahaja.	- Diberi kepada Peserta dengan jumlah pembelian Produk yang

			tertinggi melalui pengumpulan resit.
2	Hadiah Pertama x One (1) Pemenang	Penginapan 3 hari 2 malam di Sand & Sandals Desaru Beach Resort & Spa, Deluxe Seaview untuk 2 orang bernilai Ringgit Malaysia Satu Ribu Empat Ratus dan Lima Puluh (RM1450.00) Sahaja.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sebarang kos tambahan melainkan kos penginapan akan ditanggung oleh pemenang.</li> <li>- Tarikh dan masa penginapan akan dimaklumkan oleh Penganjur.</li> <li>- Tertakluk kepada terma dan syarat selanjutnya untuk dikongsi oleh Penganjur.</li> </ul>
3	Hadiah Kedua x One (1) Pemenang	Penginapan 3 hari 2 malam di Amansari Hotel Desaru, Deluxe King untuk 2 orang bernilai Ringgit Malaysia Sembilan Ratus dan Sembilan Puluh Dua (RM992.00) Sahaja.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Sebarang kos tambahan melainkan kos penginapan akan ditanggung oleh pemenang.</li> <li>- Tarikh dan masa penginapan akan dimaklumkan oleh Penganjur.</li> <li>- Tertakluk kepada terma dan syarat selanjutnya untuk dikongsi oleh Penganjur.</li> </ul>
4	Hadiah Saguhatti x Tiga Puluh (30) Pemenang	AEON Gift Voucher bernilai Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) Sahaja.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- N/A</li> </ul>

14. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar, atau ditebus dengan wang tunai, kredit, bawcher atau sebarang hadiah yang lain yang sama nilai. Visual hadiah yang ditunjukkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
15. Hadiah akan diberi secara sebagaimana adanya. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sebarang terhadap sebarang penggunaan atau pengambilan Hadiah oleh Peserta.
16. Penganjur berhak untuk meminta pemulangan Hadiah atau bayaran setara dengan nilai Hadiah dan/atau melucutkan Pemenang yang gagal mempamerkan salinan resit tersebut.
17. Semua Hadiah adalah terikat kepada syarat seperti yang ditetapkan dalam surat pengesahan/perjanjian hadiah/ bawcher hadiah, yang mana berkenaan. Mana-mana hadiah yang tidak digunakan akan dibatalkan.
18. Penganjur berhak menggantikan mana mana Hadiah dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama dengan budi bicara mutlak tanpa sebarang notis.

19. Dengan menyertai Peraduan ini, pemenang dengan ini memberikan Penganjur hak untuk menyiarkan nama dan gambar atau memaparkan perkara yang berkaitan dengan mana-mana pemenang untuk tujuan pengiklanan dan publisiti yang berkaitan dengan Peraduan di media cetak atau media elektronik tanpa makluman lebih lanjut kepada pemenang. Pemenang tidak berhak untuk menuntut pembayaran dalam apa jua bentuk, yuran atau pampasan atas penggunaan foto atau butiran yang berkaitan dengan perkara di atas.
20. Penganjur tidak akan membuat sebarang jaminan atau representasi dalam apa jua perkara berkaitan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang ketidakpatuhan dalam Peraduan dan tidak bertanggungjawab untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam keadaan sebarang keadaan.
21. Semua keputusan Penganjur adalah muktamad. Penganjur tidak akan melayan sebarang permintaan seperti rayuan atau mengkaji keputusan yang telah dibuat. Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan yang tidak sah. Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan, dan/atau menggantung peraduan dan hadiah, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu.
22. Pihak Penganjur, agensi dan syarikat-syarikat yang berkaitan tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kerugian (termasuk, tanpa batasan, kerugian tidak langsung atau langsung, kerosakan, kecuaiian) kos, perbelanjaan, tindakan, tuntutan atau kerosakan berkaitan dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan atau apa-apa aspek Hadiah.
23. Peserta hendaklah menanggung rugi dan memastikan Penganjur, pegawai, ejen, pekerja dan wakilnya ("Pihak Yang Ditanggung Rugi") tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana dan semua kerugian, kerosakan, tuntutan dan kos yang dialami dan/atau ditanggung oleh mana-mana Pihak Yang Ditanggung Rugi akibat daripada perbuatan, kecuaiian, atau pelanggaran mana-mana terma dan syarat Peraduan ini oleh Peserta.
24. Semua Peserta memberi jaminan bahawa semua maklumat dan butir-butir peribadi yang diberikan dalam Peraduan ini adalah benar, betul, tepat dan lengkap. Peserta hendaklah membaca, memahami semua peraturan, terma, syarat peraduan dan bersetuju untuk mengikut seperti yang dikehendaki.
25. Penganjur berhak untuk meminda, menambah, atau mengeluarkan mana mana terma dan syarat Peraduan pada bila-bila masa tanpa sebarang notis mengikut budi bicara mutlak Penganjur. Sebarang terma dan syarat yang dipinda atau ditambah akan menggantikan terma dan syarat terdahulu dengan serta merta.
26. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk terikat serta mematuhi semua terma dan syarat Peraduan dan keputusan yang dibuat oleh Penganjur.
27. Sekiranya terdapat percanggahan berkenaan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris, maka terma dan syarat yang dipaparkan dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.
28. Notis Privasi Mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010  
Dengan menyertai peraduan ini, Peserta bersetuju dengan pemprosesan data peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di [https://www.aeonretail.com.my/privacy\\_bm.html](https://www.aeonretail.com.my/privacy_bm.html). Sebarang penarikan balik persetujuan yang diberikan, Peserta peraduan hendaklah menulis kepada Penganjur sebelum penamatan tempoh peraduan ini dan dalam keadaan yang sedemikian, Peserta peraduan adalah dianggap telah menarik diri daripada menyertai peraduan ini.

#### Translation

By participating in this Contest, the Contestant agrees to the processing of the Contestant's personal data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in <https://www.aeonretail.com.my/privacy.html>. Any withdrawal of the Contestant's consent shall be made in writing and received by the Organizer before the end of the Contest and in such event, the Contestant shall be deemed to have withdrawn from this Contest.

